

Newspaper	Berita Harian
Date	15 October 2015

Hapus ideologi militan: PM

» **Ulama diminta perjelas maksud Islam tangani gerakan ekstremis**

Oleh Mohd Azrone Sarabatin dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak berkata usaha membanteras keganasan tidak cukup setakat menumpaskan kumpulan militan dan ekstremis, sebaliknya perlu menghapuskan idea keganasan dan ideologi yang mereka anuti.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta golongan ulama dan profesional Islam menjelaskan maksud Islam sebenar bagi menangkis idea keganasan dan gerakan ekstremis di negara ini.

Beliau juga mencadangkan

golongan itu tampil mengetengahkan pelan tindakan, strategi dan program yang boleh dilaksanakan kerajaan bertujuan merawat dan menghapuskan ideologi serta idea keganasan.

Kesan buruk kepada Islam

"Kita berdepan dengan idea keganasan dan ekstremis. Gerakan ini boleh membawa kesan buruk kepada dunia Islam. Bagaimana umat Islam yang sama akidah boleh dihalalkan pembunuhan mereka," katanya berucap pada majlis sambutan Ma'al Hijrah peringkat kebangsaan tahun 1437 Hijrah di Masjid Negara di sini, semalam.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Sambutan bertemakan 'Perpaduan Nadi Transformasi Negara' itu jultmg kali diadakan di Masjid Negara sempena jubli emas masjid berkenaan dan kedudukannya sebagai mercu tanda Islam di negara ini.

Najib berkata, golongan ulama dan profesional Islamjuga

BH - 15/10/2015

"Kita berdepan dengan idea keganasan dan ekstremis. Gerakan ini boleh membawa kesan buruk kepada dunia Islam"

Najib Razak,
Perdana Menteri

perlu menggunakan pelbagai medium yang ada bagi memberi peiyelasan mengenai ^jaran Islam sebenar, khususnya kepada generasi muda.

Katanya, penjelasan mengenai Islam harus dikupas satu persatu bagi mengelak kekeliruan kerana Islam bukan agama yang memusuhi agama lain.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut berikrar akan terus memperjuangkan nasib umat Islam di Palestin daripada ditindas rejim Zionis.

"Nasib rakyat Palestin perlu dibela kerana mereka dihina dan dilayan seperti manusia

yang tidak mempunyai sebarang hak (terhadap tanah air sendiri).

Bela rakyat Palestin

"Sebab itulah di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), saya sebutkan bahawa pejuang rakyat Palestin wajib kita bela dan saya akan teruskan pejuattlga iTini bagi pihak umat Islam di Malaysia," katanya yang menerima tepukan gemuruh daripada ribuan hadirin.

Dalam pada itu, Najib berkata langkah Malaysia menerima kemasukan 3,000 rakyat Syria juga atas dasar bantuan kepada umat Islam yang memerlukan pertolongan.

Katanya, usaha itu dapat dilakukan kerana Malaysia berada dalam keadaan aman, makmur dan bercita-rita menjadi sebuah negara maju berteraskan Islam.

"Inilah kebanggaan kita, jangan kita biarkan ini hancur lebur. Jangan kita biarkan sesiapa bersekongkol dengan mana-mana pihak dari dalam dan luar negara untuk menghancurkan apa yang dicapai selama ini," katanya.